

23 NOV 1997

DAP-NEAC

DAP SEDIA BERKHIDMAT UNTUK NEAC JIKA DIPELAWA, KATA KIT SIANG

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- DAP sedia berkhidmat dengan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) jika ia dipelawa berbuat demikian, kata Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang, hari ini.

Beliau berkata semua rakyat Malaysia, tanpa mengira perbezaan politik, perlu bersatu untuk membantu negara mengatasi krisis ekonomi yang melanda kini.

"Sehingga kini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum menjelaskan kuasa, tanggungjawab dan tumpuan majlis itu," katanya.

Beliau berkata apa yang dinyatakan Dr Mahathir selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada Khamis dan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada Jumaat lepas, adalah agak tidak jelas dan mengelirukan.

"Sebelum ini, Dr Mahathir berkata NEAC akan diberi kuasa oleh Kabinet untuk membuat keputusan berkaitan ekonomi negara dan kemudian beliau berkata ia akan berfungsi sebagai badan penasihat kepada kerajaan," kata Lim dalam satu kenyataan di sini.

Lim berkata penjelasan lengkap diperlukan untuk memastikan kedudukan undang-undang dan perlembagaan

Beliau juga menggesa para menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen menunjukkan contoh berjimat-cermat dengan membatalkan semua rancangan percutian ke luar negara tahun ini sebaliknya menghabiskan cuti tahunan dalam negara.

Lim mendakwa sebelum ini, kebanyakan menteri Kabinet akan ke luar negara terutamanya ke London pada musim cuti Disember, sehingga menyebabkan mesyuarat kabinet ditangguhkan kerana tidak cukup korum, dakwanya. --

BERNAMA

AFY NN NAK